

BERITA HARIAN

Mewujudkan juara digital tempatan melalui Malaysia yang lebih terhubung

Mei 17, 2023 @ 10:10am



Peralihan ke arah 'dunia digital yang menyeluruh', secara tidak langsung menunjukkan keperluan untuk mempercepatkan penambahbaikan infrastruktur digital Malaysia dan akses kesalinghubungan digital berkualiti serta mampu dimiliki.

Justeru, penggabungan CelcomDigi kini mempunyai skala serta sumber untuk membantu lebih ramai rakyat Malaysia mempunyai gaya hidup digital.

Syarikat berkenaan berhasrat untuk memajukan bakat tempatan, membantu pengguna serta perniagaan untuk meningkatkan kehidupan sekali gus menyumbang pertumbuhan sosioekonomi mereka.

Salah satu inisiatif berkesan adalah melalui pusat internet komuniti yang dikenali sebagai Pusat Ekonomi Digital (PEDi). Selama beberapa tahun ini, PEDi telah memberi peluang saksama kepada masyarakat, terutamanya di kawasan luar bandar serta membantu meningkatkan penyertaan ekonomi mereka.

Lebih 120,000 pelajar dan usahawan kecil mengambil bahagian secara aktif dalam pelbagai kursus kemahiran digital dan keusahawanan digital di 307 PEDi yang diuruskan oleh CelcomDigi di seluruh negara. Pusat ini juga menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 1,000 rakyat Malaysia untuk meningkatkan kemahiran digital mereka.

Peserta, Rafida Muhamad yang berjaya menamatkan beberapa kursus di PEDi Chuchuh Puteri di Kuala Krai, Kelantan, gembira dengan perkembangan terkini perniagaan yang diusahakannya.

"Menjalankan perniagaan pada hari ini agak mencabar, lebih-lebih lagi apabila kita sedang kembali pulih dari impak pasca pandemik.

"Dengan mempelajari cara-cara pemasaran produk di media sosial serta menubuhkan kedai di Shopee telah membantu saya meningkatkan perniagaan karipap mini dan popia. Kini, saya dapat menjana pendapatan sehingga RM20,000 sebulan berbanding sebelum ini yang kurang daripada RM5,000," katanya.

Realitinya, memupuk kemahiran digital dalam kalangan pelajar pada hari ini amat penting supaya dapat menyediakan mereka mendepani tuntutan digital masa hadapan.

Baru-baru ini, lebih daripada 42,000 pelajar sekolah dan belia telah memanfaatkan kelas pengaturcaraan dan robotik melalui kursus Young Digital Innovators Programme (CDYDIP) dan program Future Skills For All (FS4A) anjuran CelcomDigi. Ia dilaksanakan dengan kolaborasi pelbagai rakan kongsi seperti Kementerian Pendidikan, universiti awam, UNICEF Malaysia dan juga Arus Academy.

Guru, Narita anak Blayong dari SMK Kapit di Kapit, Sarawak, berkata dengan menggunakan kit permulaan pantas mikro:bit, serta modul pembelajaran digital yang dihoskan pada platform FS4A, warga pendidik dapat memperkenalkan cara baharu untuk mengajar pengaturcaraan kepada pelajar melalui kaedah permainan.

"Program ini juga mempunyai kit pembelajaran pengaturcaraan luar talian iaitu dengan menggunakan kad, buku kecil dan video. Selain itu kami juga menerima komputer terpakai daripada CelcomDigi untuk melengkapkan sekolah kami dan membantu dalam pembelajaran digital ini," katanya.

Syarikat itu turut melancarkan program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 (JAS23), iaitu kempen kesedaran penipuan yang dilaksanakan dengan kerjasama CyberSecurity Malaysia.

Ia bertujuan, meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pelbagai ancaman penipuan serta cara untuk mengelak daripada menjadi mangsa.

Sebagai tambahan, bahan pendidikan bagi keselamatan internet yang ringkas dan mudah difahami juga boleh didapati di <https://safeinternet.my>.

Kesemua usaha ini menunjukkan CelcomDigi komited menerajui digitalisasi dan membolehkan masyarakat digital yang inkulsif dan lestari.